

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 02.11.2016**

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nilai kontrak yang dianugerahkan kepada Thinking Schools International untuk menghasilkan i-THINK, termasuk kos latihan, penyenggaraan dan pelesenan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Think bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Program ini merupakan elemen penting dalam Strategi Inovasi Kebangsaan (*Innovating Malaysia*) untuk memacu inovasi negara demi mencapai Wawasan 2020 serta memenuhi salah satu daripada enam (6) aspirasi kemenjadian murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program i-THINK telah dilaksanakan oleh perunding Kestrel Education (UK) yang dilantik oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) pada tahun 2012. Program ini melibatkan kos yang diluluskan oleh Kerajaan selaras dengan pelaksanaan PPPM 2013-2025.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 13**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada petunjuk serpihan kapal terbang yang dikumpul setakat ini boleh ditafsirkan dengan jelas sekarang dan menyakinkan bahawa kapal terbang MH370 benar-benar terhempas di Lautan Hindi dan tidak lagi boleh dipertikaikan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan analisis awal data yang diperoleh, satu *drift model* telah dihasilkan oleh pasukan pencarian daripada *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) dan *Joint Agency Coordination Centre* (JACC) yang membolehkan kawasan pencarian ditentukan. Berdasarkan *drift model* tersebut, satu hipotesis telah dibuat bahawa sekiranya terdapat *debris* daripada MH370, ianya akan dibawa arus ke arah barat laut Lautan Hindi di mana serpihan-serpihan pesawat telah dijumpai.

Berdasarkan analisis oleh ATSB dan JACC, serpihan-serpihan yang telah dijumpai membuktikan bahawa MH370 telah berakhir di Lautan Hindi Selatan.